



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "POLIS DAN MASYARAKAT: MENGINSAFI RAMADAN - MENSYUKURI NIKMAT KEAMANAN"

22 Mac 2024 / 11 Ramadan 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِنِعْمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ،  
 وَضَاعَفَ فِيهِ الْأُجُورُ وَالْإِنْعَامُ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامُ وَفِي لَيَالِهِ الْقِيَامُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
 إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ  
 السَّلَامِ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
 يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT, melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka yang beroleh kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Menjelang sambutan Hari Polis ke-217 pada 25 Mac 2024, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "**POLIS DAN MASYARAKAT: MENGINSAFI RAMADAN - MENSYUKURI NIKMAT KEAMANAN**"

Firman Allah SWT, ayat 104 surah Ali Imran:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Bermaksud: Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (menyebarluaskan Islam) dan menyuruh melakukan segala perkara yang baik (makruf) dan mencegah daripada segala perkara yang buruk dan keji (mungkar). Dan mereka itulah orang yang berjaya.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Polis Diraja Malaysia adalah pasukan yang dipertanggungjawab memikul amanah berat – melaksana tugas penting; memelihara keamanan dan ketenteraman awam berdasarkan penguatkuasaan undang-undang, demi menjamin keselamatan negara. Ayat 104 surah Ali Imran yang khatib sampaikan pada awal khutbah menunjukkan perintah Allah SWT agar wujudnya segolongan pihak yang menyeru kebaikan dan mencegah berlakunya keburukan.

Sebahagian besar perintah Allah ini telah disempurnakan melalui tugas dan peranan anggota Polis Diraja Malaysia, membolehkan masyarakat dapat menjalani kehidupan secara bebas dan selamat dalam sebuah negara merdeka lagi berdaulat, rakyatnya hidup secara aman, harmoni, maju dan makmur.

Keamanan ialah anugerah dan kurniaan besar daripada Allah SWT kepada sesebuah negara. Keamanan membolehkan rakyat bebas mendapatkan ilmu dan menimba pengalaman, bekerja untuk menyara kehidupan, hidup berkeluarga dan bermasyarakat, terpelihara daripada segala bentuk ancaman. Keamanan berperanan penting untuk mewujudkan suasana hidup yang harmoni, membolehkan rakyatnya bersatu dan berpadu, sama-sama berusaha memakmurkan dan membangunkan ekonomi negara.

Oleh itu, peranan yang dijalankan oleh anggota Polis Diraja Malaysia amat bertepatan dengan prinsip *Maqasid al-Syariah* yang antaranya bertujuan untuk memelihara dan melindungi nyawa manusia selaras dengan firman Allah SWT melalui ayat 32 surah al-Maidah:

...مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَانَ مَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَا هَا  
فَكَانَ مَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا ...

Bermaksud: ...Sesiapa yang membunuh seorang manusia tanpa alasan yang membolehkan untuk membunuh orang itu atau bukan kerana (dia) membuat kerosakan di muka bumi, maka seolah-olahnya dia telah membunuh seluruh manusia. Dan sesiapa yang menghidupkan (memelihara kehidupan) seorang manusia, maka seolah-olahnya dia telah memelihara kehidupan seluruh manusia.

Ayat ini menunjukkan Islam meletakkan nyawa manusia pada kedudukan yang tinggi dan usaha memelihara nyawa merupakan amalan mulia lagi terpuji.



## Jemaah yang dikasihi Ilahi

Polis Diraja Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran dan mehnah yang berat semasa melaksanakan tugas. Demi memastikan keamanan negara kekal terpelihara, para anggota terdedah dengan pelbagai ancaman termasuk keselamatan nyawa ketika melakukan tugas-tugas risikan, pengintipan, mengesan, menangkap dan mendakwa penjenayah. Polis Diraja Malaysia turut dipertanggungjawabkan menjaga perairan sempadan negara daripada musuh yang berhasrat mencemar kedaulatan negara dengan menimbulkan kekacauan dan gangguan.

Selain ditugaskan mencegah jenayah, anggota polis turut melaksanakan tugas mengawal ketenteraman awam, berada di barisan hadapan, berpanas - berhujan untuk mengawal keadaan yang melibatkan kehadiran rakyat yang ramai dan mengawal kesesakan lalu lintas semasa berlangsungnya keramaian, perhimpunan dan perayaan. Anggota polis juga berada di barisan hadapan apabila berlaku sesuatu peristiwa penting, bencana dan kemalangan.

Anggota polis meletakkan kepentingan masyarakat dan mengutamakan kepentingan masyarakat dalam memenuhi tugas mereka, hati dan jiwa mereka diabadikan kepada masyarakat sewaktu memenuhi tugas. Kerana itu, masyarakat turut mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk memastikan ketenteraman awam dan keamanan negara kekal terpelihara. Mimbar menyenaraikan peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Ummah menjauhi diri daripada melakukan sebarang perkara yang boleh menggugat keharmonian hubungan kaum atau memecahkan perpaduan rakyat.

**Kedua:** Memberi kerjasama kepada anggota Polis Diraja Malaysia dengan menyalurkan maklumat kegiatan-kegiatan yang mencurigakan terutama membantu pihak polis dalam usaha menangani tatacara jenayah siber yang semakin banyak berlaku.

**Ketiga:** Menyimpan nombor talian kecemasan dan balai polis berdekatan dalam telefon pintar.

**Keempat:** Jawatankuasa kariah dan masjid, institusi pendidikan, badan-badan belia dan bukan kerajaan, digalakkan menganjur program kerjasama melibatkan Polis Diraja Malaysia seperti majlis penerangan berkaitan keselamatan dan pencegahan jenayah.



Kerjasama antara polis dan masyarakat dalam membanteras kegiatan jenayah adalah amalan murni selaras dengan sabda Nabi SAW:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُّنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقُلْبِهِ وَذَلِكَ

أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Bermaksud: Barang siapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Jika dia tidak mampu, maka dengan lisannya, jika tidak mampu juga, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman.

(Hadis Riwayat Muslim)

### **Jemaah Rahimakumullah**

Ramadan melimpahi kesempurnaan takwa dalam kehidupan manusia, menjadikan hamba yang sentiasa patuh dan taat kepada perintah Allah SWT. Ramadan menitipkan pelbagai kebaikan, mendidik ummah ke arah sikap terpuji seperti bersabar, tegas dan berani mempertahankan kebenaran, berintegriti dan bertimbang rasa kepada mereka yang lemah. Sikap mulia ini menjadi keperluan untuk diamalkan oleh setiap manusia lebih-lebih lagi anggota Polis Diraja Malaysia yang berada di barisan hadapan, diberikan tanggungjawab untuk mengawal keselamatan negara dan menjamin ketenteraman awam agar rakyat dapat hidup dalam kesejahteraan.

Menjelang **Sambutan Hari Polis yang ke-217**, mimbar dan sidang jemaah mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada anggota Polis Diraja Malaysia atas tugas murni fardu kifayah yang telah mereka penuhi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam di negara kita. Begitu juga penghargaan kita kepada anggota keluarga mereka yang secara sabar dan tabah turut berkorban, memberikan sokongan dan dorongan membolehkan para anggota polis melaksanakan tugas dengan berkesan. Kita mendoakan agar Allah SWT menerima khidmat bakti para anggota Polis Diraja Malaysia sebagai amal makruf yang dilimpahi keberkatan, dianugerahi ganjaran dunia – ganjaran akhirat.

Menjelang sambutan Hari Polis, mimbar menarik perhatian jemaah kepada dua perkara berikut;



**Pertama:** Menjaga keselamatan negara adalah tanggungjawab fardu kifayah penting yang telah dilaksanakan dengan berkesan oleh pasukan Polis Diraja Malaysia; tugas tersebut akan bertambah berkesan dengan adanya sokongan dan penyertaan sekalian rakyat.

**Kedua:** Hargai dan berterima kasih kepada anggota Polis Diraja Malaysia yang telah banyak berkorban untuk memastikan rakyat dapat hidup secara tenteram dan keselamatan negara kekal dipelihara.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
 أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهٖ وَأَصْحَابِهِ  
 أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
 مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
 وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>عَلَيْهِ السَّلَامُ</sup>.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
 أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, tautkan hati kami untuk saling membantu kerja-kerja kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kekalkan keamanan di negara kami melalui kerjasama yang diserahkan oleh pasukan polis dan masyarakat. Berilah perlindungan, kecekalan hati, kesihatan dan kekuatan tubuh badan

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



kepada pasukan Polis Diraja Malaysia sewaktu menjalankan tugas. Cucuri rahmat Mu kepada kalangan hamba Mu yang terkorban demi menjaga keselamatan negara.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَفِي قَنَاعَةٍ عَذَابَ الْنَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذَكُّرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.